

PENDIDIKAN ABAD KE-21 DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA: AMALAN DAN CABARAN

¹Husni Abdullah, ¹Abd Razif Zaini, ¹Khairatul Akmar Ab Latif, ¹Hasanah Ihsan,
¹Ku Fatahiyah Ku Azizan, ²Wan Sakiah Wan Ngah, Naqibah Mansor
husni@kuis.edu.my
¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS
²Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, Bangi

ABSTRAK

Pendidikan abad ke-21 berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi dan pengaplikasian teknologi menjadi tunjang utama pendidikan negara pada masa kini. Salah satu cabangnya berpusat kepada amalan pengajaran guru di dalam kelas berpaksikan PAK21. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru bahasa Arab. Data kualitatif digunakan bagi menghurai pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru. Dapatan menunjukkan bahawa persepsi dan kesediaan guru merupakan elemen penting dalam amalan dan pelaksanaan pendekatan PAK21 di dalam kelas. Kajian juga menilai cabaran yang perlu guru tempuhi dalam pelaksanaan pendekatan tersebut. Dapatan juga memperlihatkan guru-guru bahasa Arab di sekolah menengah boleh menggunakan pelbagai sumber sokongan teknologi serta maklumat bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang efektif dan berkualiti serta relevan dengan perkembangan semasa.

Kata kunci: Pendidikan Abad ke-21; pengaplikasian teknologi; amalan pengajaran.

1.0 PENGENALAN

Profesion perguruan adalah profesion murni. Justeru, guru diberikan penghormatan dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kaca mata seluruh masyarakat. Guru juga berperanan besar dalam mendidik dan mencorak generasi muda menjadi insan berguna dan berbakti kepada masyarakat. Namun, selangkah dengan peredaran masa hari ini, profesion perguruan menjadi lebih mencabar serta berdepan dengan pelbagai tuntutan yang terkadang memerlukan pengorbanan di luar batasan kemampuan mereka. Para guru tidak hanya bertanggungjawab terhadap pelajarannya, bahkan mereka memainkan peranan dominan dalam merealisasikan inspirasi agama, bangsa dan negara yang terkandung dalam falsafah pendidikan negara.

Sejajar dengan usaha itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 dengan mula mengetengahkan pendidikan abad ke-21 (PAK21) dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Indeks Prestasi Utama (KPI) bidang pendidikan ialah meluaskan capaian pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan. Selari dengan maksud itu, PAK21 adalah bertujuan untuk menyediakan PdPc yang mempunyai ciri-ciri kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi. Ciri-ciri tersebut menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), pengurusan kelas atau ruang pembelajaran yang lebih dinamik dan pengaplikasian teknologi dalam PdPc.

Peranan para guru juga turut diberi keutamaan. Guru haruslah memiliki ciri-ciri yang berbeza dengan pendidikan masa lampau. Guru juga perlu melengkapkan diri dengan kemahiran tertentu bagi memudahkan mereka menghadapi cabaran PAK21. Antara ciri-ciri yang perlu dikuasai ialah mahir dan berketerampilan dalam pedagogi, memahami perkembangan pelajar dan menyayangi mereka, memahami psikologi pembelajaran, memiliki kemahiran kaunseling, menggunakan teknologi terkini dan menguasai subjek. Rupa dan

bentuk pendidikan yang bersesuaian dengan generasi abad ke-21 telah banyak diperkatakan.

Rata-rata pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah PdPc perlu berubah bersesuaian dengan perkembangan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin maju. Kaedah pengajaran konvensional seperti “*chalk and talk*” semata-mata kurang berhasil dalam menarik minat pelajar. Guru sebaliknya memerlukan kaedah yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pengajaran yang relevan dengan perkembangan semasa. Namun, cabaran utama dalam melaksanakan PAK21 adalah kesediaan guru dalam mengaplikasikan kaedah ini, kesediaan pelajar dan kesediaan dari segi kemudahan sumber dan teknologi.

Oleh yang demikian, kajian ini akan meninjau aspek-aspek yang perlu diberi keutamaan dalam pelaksanaan PAK21 agar para guru dapat melaksanakan proses PdPc mereka selaras dengan kehendak dan hasrat kementerian.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Proses PdPc merupakan satu proses yang kompleks. Ia melibatkan banyak langkah dan usaha yang merangkumi ilmu, kemahiran, pendekatan, kaedah serta teknik yang perlu diketahui oleh seseorang guru. Dalam masa yang sama, ia juga menitikberatkan faktor situasi, emosi, dan peranan pelajar dalam satu-satu proses pembelajaran yang dijalankan. Ini kerana, proses PdPc berlaku dengan wujudnya interaksi antara kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar (Normazidah Mahmood, 2012). Oleh itu, faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan kedua-dua pihak sama ada guru atau pelajar perlu diambil kira.

Dalam konteks pendidikan bahasa Arab, kualiti dan kompetensi seorang pendidik perlu dititikberatkan kerana bahasa Arab berfungsi bukan hanya sekadar

alat berkomunikasi tetapi merupakan wasilah untuk mendalami dan menghayati ajaran agama.

Pelbagai isu dan masalah timbul berkaitan pelaksanaan PdPc bahasa Arab di sekolah. Banyak pihak dari kalangan pengkaji dan cendekiawan yang terlibat dalam bidang keguruan membicarakan tentang keberkesanan pengajaran bahasa Arab di sekolah. Justeru, keberkesanan pengajaran bahasa Arab di sekolah adalah bergantung kepada keupayaan dan peranan guru bahasa Arab di dalam kelas untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum bahasa Arab yang telah digubal.

Pada asasnya, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses PdPc mempunyai kesan yang besar kepada penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini kerana guru merupakan orang yang paling penting dan pelaksana kepada segala perancangan yang telah dirangka oleh pihak KPM. Selain itu, guru-guru juga seharusnya mempunyai strategi pengajaran melalui pemilihan dan perancangan dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif pengajaran (Ismail Suardi Wekke, 2014).

Justeru, keberkesanan sesuatu proses PdPc bergantung kepada kaedah dan strategi yang dipraktikkan. Seorang guru perlu memilih dan menggunakan kaedah-kaedah yang paling sesuai bagi membantu pelajar dan dirinya sendiri mencapai objektif pengajaran yang dirancang. Ini bermakna pelbagai pendekatan PdPc boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan pelajar dan pendekatan berpusatkan bahan.

2.1 Pernyataan Masalah

Kepesatan teknologi telah mendesak perubahan pelbagai bidang termasuklah pendidikan. Rentetan desakan tersebut, lahirlah pendekatan baru yang dinamakan PAK21. PAK21 merupakan pendekatan baharu dunia pendidikan yang diharap

dapat memenuhi harapan dan keperluan pendidikan masa kini, khususnya bagi generasi abad ke-21.

PAK21 merupakan manifestasi perkembangan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin maju dan terbuka. Kaedah konvensional tidak harus menjadi kaedah pengajaran tunggal dalam penyampaian, sebaliknya ia perlu berintegrasi dengan teknologi terkini. Justeru, pendekatan ini perlu difahami dengan baik agar pelaksanaannya memenuhi kehendak dan matlamat.

Dasar dunia tanpa sempadan menuntut perubahan drastik dalam pendidikan agar mampu bersaing dengan negara-negara maju di dunia. Justeru, PAK21 merupakan antara elemen penting terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025 demi mencapai hasrat kerajaan secara holistik (Berita Harian, 2017). Kerajaan sangat komited dalam hal ini dan memaklumkan bahawa PAK21 akan dilaksanakan sepenuhnya di 2000 buah sekolah terpilih melibatkan kawasan bandar dan luar bandar (Hayati Ismail, 2018).

Pelaksanaan PAK21 menerima pelbagai respon daripada warga pendidik dan masyarakat. Ada yang teruja dengan pelaksanaan PAK21 dan ada juga yang mempersoal kaedah pelaksanaan, keupayaan kerajaan menyediakan prasarana, masalah capaian internet dan keutamaan membangun infra sekolah di kawasan pedalaman (Hayati Ismail, 2018).

Kesediaan dan kefahaman guru merupakan faktor penting dalam pelaksanaan PAK21. Guru perlu mempunyai pengetahuan tentang apa itu PAK21 dan bersedia untuk melaksanakannya. Semasa kajian ini dijalankan, tidak dapat dikenal pasti kajian yang menilai persepsi guru dan tahap kesediaan mereka dalam pelaksanaan ini. Namun, persoalan yang ditimbulkan oleh Hayati Ismail (2018) menunjukkan bahawa pelaksanaan PAK21 belum menyeluruh dan ia juga dihadapi oleh pendidikan bahasa Arab di tanah air.

PAK21 bukan berkisar tentang teknologi semata-mata. Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi merupakan komponen penting dalam melaksanakan kaedah ini, namun teknologi adalah alat atau *tools* yang membantu proses PdPc abad ke-21 (Mahadzir Khalid, 2018). PAK21 bukan matlamat, tetapi ia merupakan salah satu cara untuk mencapai matlamat yang ditentukan (Hayati Ismail, 2018). Namun, sekiranya penggunaan teknologi merupakan salah satu alat penting dalam pelaksanaan PAK21, adakah guru-guru khususnya dalam bidang bahasa Arab bersedia untuk melaksanakan perubahan ini?

2.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui pasti elemen pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru.
- ii. Meninjau cabaran guru dalam mengaplikasi PAK21.

2.3 Soalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab oleh penyelidik-penyelidik seperti berikut:

- i. Apakah elemen penting dalam pelaksanaan PAK21?
- ii. Apakah cabaran utama guru dalam mengaplikasi PAK21?

2.4 Kepentingan Kajian

Merujuk kepada pernyataan di atas, kajian ini mempunyai kepentingan dalam membantu guru-guru bahasa Arab di SABK seluruh Malaysia dalam pelaksanaan PAK2. Kajian ini juga diharap dapat membantu pentadbir di SABK dalam mengenal pasti kesediaan, kefahaman dan keperluan guru dalam pelaksanaan pendekatan ini.

Kajian ini juga secara tidak langsung akan dapat membekalkan maklumat dan input kepada pihak-pihak berkepentingan khususnya Jabatan Pendidikan

Negeri (JPN) dan KPM berkenaan isu-isu dalam pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru khususnya di SABK.

2.5 Skop Kajian

Skop kajian ini terbatas kepada data kualitatif yang diperolehi daripada kajian kepustakaan. Kajian ini menelusuri sorotan kajian lepas bagi mengenal pasti elemen penting dalam pelaksanaan PAK21 meliputi fasa sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan.

2.6 SOROTAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan pada tahun 2017 mendapati penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam kalangan guru bahasa Arab di Malaysia masih berada pada tahap rendah. Kajian yang dijalankan ke atas 427 orang guru bahasa Arab sekolah menengah menunjukkan hanya 33.7 % sahaja daripada responden terbabit sangat kerap dan kerap menggunakan BBM. Guru masih bergantung sepenuhnya pada buku kerja, kertas A4, pen pelbagai warna dan nota edaran sebagai BBM utama (Muhammad Haron, Mohd Izzuddin, Ahmad Shafiq, Diyak Ulahman, Syafiqah, Nur Hanani, Mohd Khamal, 2017).

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa penggunaan BBM dalam kalangan guru belum mencapai tahap yang sepatutnya. Walaupun kajian tidak memberi tumpuan kepada penggunaan media baharu, namun ia memberikan refleksi tahap kesediaan guru untuk menggunakan teknologi dalam PdPc dan ia perlu ditingkatkan secara berterusan.

Abdul Wahab et. al (2006) menjelaskan bahawa halangan utama yang sering mempengaruhi penggunaan BBM dan penerapan teknologi dalam pengajaran adalah keperibadian guru itu sendiri. Guru didapati tidak bersedia, tiada berkeyakinan, tidak pandai dan tidak minat untuk menggunakan teknologi

(Abdul Wahab et. al, 2006). Mereka juga didapati tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam mendepani revolusi perkembangan dunia pendidikan (Mohd Izham dan Noraini Attan (2007).

Kesediaan guru terhadap penerapan penggunaan teknologi dalam proses PdPc amat penting. Kesedaran menjadi pemangkin penggunaan teknologi dalam pengajaran sekaligus menjadikan guru lebih yakin dan cekap untuk menggunakannya (Peter, 2004). Beberapa kajian lain yang dijalankan pula menunjukkan halangan penggunaan teknologi dalam pengajaran disebabkan juga faktor kurang kemahiran (Saemah dan Siti Fatimah, 2008), masalah teknikal (Siti Fatimah dan Ab Halim, 2010) dan kekangan masa (Tang dan Abdul Ghani, 2006). Guru secara umumnya belum bersedia mengharungi perubahan (Awang, 2008).

Bagi mendepani generasi abad ini, anjakan kepada proses penyampaian perlu dilakukan guru. PAK21 tidak memberi penekanan kepada penggunaan teknologi semata-mata, malah ia perlu berpusatkan pelajar. PAK21 perlu berpaksikan empat elemen utama iaitu komunikasi, kolaborasi, kritis (pemikiran) dan kreativiti (Norhailmi, 2017). Walaupun kecenderungan PAK21 berpusatkan pelajar, guru tetap relevan dan menjadi elemen penting. Guru merupakan jentera pelaksana utama dan bertindak sebagai pemudahcara. Guru perlu mempersiapkan diri dalam memastikan PAK21 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Namun, realitinya guru masih cenderung menggunakan kaedah konvensional (Yusof Hashim, 2001). Walaupun ramai dalam kalangan guru menyedari kepentingan teknologi dalam PdPc, kaedah “*chalk & talk*” masih menjadi amalan pengajaran dalam abad ini (Berita Harian, 2017).

PAK21 bukanlah mengenai teknologi semata-mata. PAK21 menerapkan elemen komunikasi dan kolaborasi. Komunikasi merupakan asas dalam proses PdPc. Tidak dapat dinafikan ia dilaksanakan sebelum ini, namun apa yang perlu

diberikan penekanan dalam PAK21 adalah komunikasi dua hala yang berpusatkan pelajar.

Tahap kompetensi guru bahasa Arab khususnya dalam konteks penggunaan bahasa dilaporkan terhad. Keadaan ini menghadkan keupayaan guru berkomunikasi menggunakan bahasa ini dalam kelas, sekaligus menjadikan komunikasi dalam bahasa ibunda sebagai keutamaan. Guru dilaporkan kurang menggunakan bahasa Arab di dalam kelas (Abdul Razif, 2017).

Komunikasi berkait rapat dengan kolaborasi. Apabila komunikasi terhad, kolaborasi juga bakal terganggu. Dalam konteks pembelajaran bahasa, apabila bahasa sasaran tidak digunakan, maka kolaborasi akan lahir dalam bentuk kerjasama yang tidak menyokong pembelajaran bahasa.

Satu lagi elemen penting dalam PAK21 adalah kemahiran berfikir secara kritis (Norhailmi, 2017). KBAT yang diperdebatkan dewasa ini mempunyai hubungan langsung dengan elemen ini. KBAT adalah kemuncak pembelajaran, sekiranya komunikasi dan kolaborasi terhad, ia bakal mengganggu KBAT dan kemahiran berfikir secara kritis.

PAK21 secara asasnya bukan perkara baharu. Komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti telah diperdebatkan dan teradun dalam pengajaran abad ke-20. Isu yang diperkatakan dalam abad ke-21 adalah isu pelaksanaan. Ia berkisar tentang bagaimana elemen-elemen ini teradun secara holistik dalam pengajaran guru.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kepustakaan dijalankan bagi memperoleh set elemen yang diperlukan dalam

pelaksanaan PAK21 dalam Pdpc guru meliputi proses sebelum, semasa dan selepas.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat perkara asas yang berkait dengan pelaksanaan PAK21 dalam proses PdPc. Empat perkara asas ini melibatkan persepsi, kesediaan, amalan dan cabaran guru dalam melaksanakan dan mengamalkan PAK21.

4.1 Persepsi

Persepsi adalah gambaran, bayangan, pandangan atau tanggapan mengenai sesuatu. Dalam konteks kajian ini, persepsi berkait dengan gambaran dan pandangan seseorang guru terhadap pelaksanaan PAK21 dalam PdPc. Persepsi ini merupakan indikator utama yang menentukan niat guru dalam penyampaian pengajaran mereka. Guru seharusnya tahu akan standard asas PAK21 iaitu aspek komunikatif, kolaboratif, kreatif dan kritis (4K). Perkara ini penting kerana, sekiranya guru tidak mengamalkan PAK21 di dalam kelas, sudah pasti matlamat KPM tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kefahaman guru secara menyeluruh terhadap kaedah PAK21 mempengaruhi tingkah laku dan amalan guru di dalam kelas (Nurzarina Amran & Roslinda Rosli, 2017). Guru dalam masa yang sama perlu melahirkan rasa minat terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran ini agar ilmu yang diberikan dapat difahami oleh pelajar (Mohd Sahandri Gani Hamzah & Saifuddin Kumar Abdullah, 2011). Oleh itu, persepsi guru perlu dikaji agar pelaksanaan PdPc dapat dilaksanakan selaras dengan kehendak KPM.

4.2 Kesediaan

Kesediaan merupakan perkara yang perlu ada pada diri seseorang guru. Guru yang kompeten sentiasa menyiapkan diri dengan segala bentuk perubahan dalam pendidikan. Kesediaan guru dalam pelaksanaan PAK21 antara faktor penting dalam menghasilkan pendidikan yang bermutu dan berkualiti. Guru perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang pelbagai untuk mendepani cabaran PAK21. Guru perlu bersedia membentuk dan mengawal aktiviti kelas secara efisien. Guru juga perlu bersedia mewujudkan suasana komunikatif yang baik antara pelajar. Selain itu, guru perlu bersedia memahirkan diri menggunakan teknologi terkini (Melita & Katitia, 2015). Justeru, kesediaan guru terhadap PAK21 ini merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian memandangkan kesediaan para guru terhadap hal ini secara menyeluruh belum dapat dikenal pasti (Hayati Ismail, 2018).

4.3 Amalan

Aspek amalan pelaksanaan PAK21 merupakan salah satu elemen penting yang turut dibincangkan. Amalan guru dalam PdPc saling terkait dengan pelaksanaan pedagogi yang digunakan. Guru sangat kompeten dalam menyediakan dan melakukan perancangan pengajaran sebelum memulakan PdPc (Abdul Razif, 2017).

Dalam mendepani cabaran masa hadapan, kerajaan telah mengkaji semula kurikulum kebangsaan dan sistem pentaksiran agar dapat menghasilkan pelajar yang mahir dan berkualiti. KPM telah memberi panduan dalam pemilihan strategi pedagogi bagi kaedah PAK21 untuk para guru. Terdapat tiga perkara yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan PAK21. Perkara tersebut adalah guru perlu memahami objektif PdPc, memilih aktiviti yang membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran 4K dan mengenali pelajar berasaskan kepada minat dan keupayaan mereka. Ketiga-tiga perkara ini perlu diberi penekanan agar pelaksanaan rancangan pengajaran berbentuk PAK21 dapat dilaksanakan.

Kerajaan juga turut menggariskan dan mencadangkan 5 aktiviti PAK21 yang boleh diamalkan dan dipraktiskan di dalam kelas. 5 aktiviti tersebut adalah *Think Pair Share, Round Table, Gallery Walk, Hot Seat* dan *Stay-stray* (Pembelajaran Abad Ke-21 PAK21, KPM). Akan tetapi persoalannya sejauh manakah para guru masa kini menggunakan dan mengamalkan garis panduan yang telah diberikan oleh KPM ini? Justeru, aspek amalan merupakan elemen penting dalam mengenal pasti tahap pelaksanaan PAK21 guru dalam PdPc.

4.4 Cabaran

Cabaran merupakan aspek terakhir yang dibincangkan dalam pelaksanaan PAK21. Guru perlu meningkatkan prestasi pengajaran mereka dalam profesion keguruan bagi mendepani pelbagai cabaran PAK21 (Wan Faizal Ismayatim dan Suzianah Jiffar, 2016). Cabaran yang mungkin dapat diketengahkan dalam PAK21 ini adalah cabaran yang melibatkan kesediaan guru, kesediaan pelajar, kemudahan infrastruktur, kemudahan BBM, kemudahan sumber rujukan tambahan, penggunaan teknologi dan capaian internet. Oleh yang demikian, mengenal pasti bentuk cabaran yang dihadapi oleh guru secara holistik serta dapat mengenal pasti bentuk penyelesaiannya sudah tentu memberikan manfaat kepada mereka yang berkepentingan.

5.0 RUMUSAN

Bidang pendidikan merupakan pelaburan jangka masa panjang dan terpenting dalam sesebuah negara. Berjaya atau mundur visi pendidikan bergantung kepada tenaga pengajar selaku tulang belakang dalam merealisasikan visi dan misi negara. Oleh itu, kesedian dan kemampuan para guru dalam melaksanakan tugas-tugas pengajaran bersesuaian dengan era semasa perlu dipandang serius. Guru perlu sentiasa menyiapkan diri dalam menghadapi perubahan sistem pendidikan alaf baru demi memartabatkan kedudukan bahasa Arab di persada pendidikan negara Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, Noor Shamsinar Zakaria, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohd Rofian Ismail, Hasmadi Hamdan, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Rushdan Azizan, Naqibah Mansor. (2017), *Kompetensi Guru Bahasa Arab Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. Laporan Geran Penyelidikan Inovasi KUIS 2016.*
- Abdul Wahab Ismail Ghani, Kamaliah Siarap dan Hasrina Mustafa. 2006. *Pnggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah MEengah: Satu Kajian Kes di Pulau Pinang dalam Shakila Abdul Manan. Et. Al (2006). Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies, Pulau Pinang: USM Press.*
- Ismail Suardi Wekke (2014). *Model Pembelajaran Bahasa Arab Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan. Penerbit Deepublish. Yogyakarta.*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pembelajaran Abad Ke-21 PAK21. Dipetik daripada <http://upa.ipgkda.edu.my/wp-content/uploads/2017/07/PAK21-KPM.pdf>.*
- Melita, D., & Katitia, O. (2015). *Teacher Education Preparation program for the 21 st Century . Which way forward for Kenya ?, 6(24), 57–64.*
- Muhammad Haron, Mohd Izzuddin, Ahmad Shafiq, Diyak Ulahman, Syafiqah, Nur Hanani, Mohd Khamal, (2017). *Amalan Pengajaran Dan Kesediaan Guru Bahasa Arab Dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar di Malaysia. Laporan Geran Penyelidikan Inovasi KUIS 2016.*
- Mohd Izham Mohd Hamzah dan Norain Attan. 2007. *Tahap Kesediaan Guru Sains dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. Jurnal Teknologi. Skudai: UTM.*
- Mohd Sahandri Gani Hamzah and Saifuddin Kumar Abdullah (2011). *Test Item Analysis: An Educator Professionalism Approach. 3, 307–322.*
- Normazidah Mahmood (2012). *Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah: Satu Penilaian. Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya.*
- Nurzarina Amran dan Roslinda Rosli (2017). *Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke-21. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Komunikasi.*
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. 2010. *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran J-QAF. Journal of Islamic and Arabic Education. 2(2), 2010, 53-64.*

Saemah Rahman dan Siti Fatimah Mohd Yassin. 2008. Kemahiran Mengakses dan Mempelajari Bahan Hiperteks dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan* 33. 2008. 81-94. *Malaysian Journal of Education: Faculty of Education, UKM*.

Tang Keow Ngang dan Abdul Ghani Kanesan Abdullah. 2006. Kesiediaan dan Keberkesanan Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Biologi di Sebuah Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan (Journal of Educational Research)*. Kuala Lumpur: UM

Wan Faizal Ismayatim dan Suzianah Jiffar (2016, Mei 16). Bersedia Hadapi Cabaran Pembelajaran Abad Ke-21. *Berita Harian Online*. Diambil pada 31 Oktober, 2018, daripada <https://www.bharian.com.my/node/154117>

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0601&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm#ixzz57iv2nGV5